

3756/1
Prinsip Perakaunan
Kertas 1
1 ¼ jam

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

**MODUL KECEMERLANGAN BERFOKUS
PRINSIP PERAKAUNAN
SPM 2024**

PRINSIP PERAKAUNAN SET 2

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

- 1 Siapakah Bapa Perakaunan yang telah menulis sebuah buku matematik dan telah memuatkan satu bahagian tentang peraturan simpan kira bagi sesuatu perniagaan?
- A Pacioli Luca
 - B Luka Pacioli
 - C Luca Pacioli
 - D Lucha Paciulli

- 2 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Safuan Enterprise.

Encik Safuan ingin membuat siasatan atas kecurian wang tunai sebanyak RM250 dalam mesin daftar tunai. Walau bagaimanapun, beliau tidak mahu menyiasat sebab kehilangan wang tunai tersebut selepas mengetahui kos siasatan yang perlu dibayar ialah sebanyak RM500.

Apakah konsep perakaunan yang terlibat?

- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Kos manfaat
 - D Wang sebagai ukuran
- 3 Pernyataan manakah **bukan** ciri bagi Koperasi Serbaguna Kampung Dato' Bentara?
- A Liabiliti tidak terhad.
 - B Bilangan minimum ahli ialah 50 orang.
 - C Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen.
 - D Perniagaan diuruskan oleh Ahli Lembaga Koperasi.
- 4 Manakah antara berikut merupakan komponen kos jualan?
- A Pulangan jualan
 - B Angkutan masuk
 - C Angkutan keluar
 - D Diskaun diterima

- 5 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Butik Muslimah Musalmah.

Cik Musalmah telah membeli komputer perniagaan menggunakan wang peribadi.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah

- 6 Dalam sistem perekodan perakaunan, kenderaan telah dicatatkan dalam kategori aset di muka surat 18 dalam lejar Perniagaan Abu dengan menunjukkan kod 10018. Apakah nama sistem ini?
- A** Sistem carta akaun
 - B** Sistem catatan bergu
 - C** Sistem catatan kontra
 - D** Sistem maklumat perakaunan
- 7 Perniagaan Izzah Enterprise telah menerima dividen atas pelaburannya di Maybank Investment Bhd. Pihak bank telah memindahkan dividen tersebut ke akaunnya dan satu dokumen telah dihantar oleh pihak bank. Apakah nama dokumen tersebut?
- A** Nota Debit
 - B** Nota Kredit
 - C** Makluman Debit
 - D** Makluman Kredit
- 8 Dokumen bukan sumber adalah salah satu dokumen rujukan yang penting dalam sistem perakaunan. Apakah contoh dokumen tersebut?
- A** Invois
 - B** Bil tunai
 - C** Penyata bank
 - D** Slip transaksi perbankan elektronik

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 9 Pihak pengurusan Juan Ling Sdn. Bhd. telah menetapkan setiap urusan pembelian kecil dibawah RM300 hendaklah direkodkan dalam satu buku perniagaan. Apakah buku tersebut?
- A Buku Tunai
 - B Buku Tunai Runcit
 - C Buku Catatan Pertama
 - D Buku Catatan Inventori
- 10 Pembekal Nina telah menghantar nota debit untuk tambahan jumlah caj kepada Perniagaan Hamizah kerana terdapat satu ketinggalan catatan dalam invois yang dihantar.
- Buku catatan pertama manakah yang perlu digunakan untuk merekodkan urus niaga tersebut?
- A Jurnal Belian
 - B Jurnal Jualan
 - C Jurnal Pulangan Belian
 - D Jurnal Pulangan Jualan
- 11 Antara berikut, urus niaga manakah perlu direkodkan dalam Buku Tunai?
- I Membeli perabot secara tunai.
 - II Membeli kenderaan secara kredit.
 - III Mengambil inventori untuk kegunaan peribadi.
 - IV Membayar sewa kedai dengan cek.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12 Antara berikut, yang manakah contoh Akaun Nominal?

- I Belian
- II Premis
- III Pinjaman
- IV Belanja am

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Kedai Runcit Miza membayar hutang kepada Syarikat Ikmal sebanyak RM700 dengan cek. Apakah catatan bergu dalam buku Kedai Runcit Miza?

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Syarikat Ikmal
B	Syarikat Ikmal	Akaun Bank
C	Akaun Bank	Kedai Runcit Miza
D	Kedai Runcit Miza	Akaun Bank

- 14 Berikut ialah maklumat yang diperolehi daripada Syarikat Jojo Jaya.

2024		RM
Jun 1	Baki debit Lejar Jualan	15 250
30	Bayaran oleh Akaun Belum Terima	81 020
	Diskaun diberi	3 720
	Pulangan jualan	7 750
	Hutang lapuk	2 020
	Baki debit Lejar Jualan	14 810

Berapakah jualan Syarikat Jojo Jaya?

- A RM64 450
 - B RM67 970
 - C RM94 950
 - D RM94 070
- 15 Pernyataan manakah menerangkan fungsi Imbangan Duga?
- A Menghitung jumlah modal
 - B Mencatat penutupan akaun lejar
 - C Menguji ketepatan catatan bergu
 - D Menghitung jumlah aset dan liabiliti
- 16 Apakah catatan penutupan yang **betul** untuk merekod inventori akhir dalam jurnal?

	Debit	Kredit
A	Akaun Untung Rugi	Akaun Inventori
B	Akaun Perdagangan	Akaun Inventori
C	Akaun Inventori	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Inventori	Akaun Perdagangan

17 Apakah butir yang digunakan untuk mengira kos barang untuk dijual?

- I Belian, inventori awal, duti import
- II Jualan, inventori akhir, upah atas belian
- III Jualan, inventori akhir, pulangan masuk
- IV Belian, inventori awal, insurans atas belian

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

18 Pilih catatan penutupan yang betul bagi Akaun Jualan.

A

Akaun Jualan

2024	RM	2024	RM
Dis 31 Akaun	12 200	Dis 31 Bank	12 200
Perdagangan			
	<u>12 200</u>		<u>12 200</u>

B

Akaun Jualan

2024	RM	2024	RM
Dis 31 Bank	12 200	Dis 31 Akaun	12 200
		Perdagangan	
	<u>12 200</u>		<u>12 200</u>

C

Akaun Jualan

2024	RM	2024	RM
Dis 31 Untung Rugi	12 200	Dis 31 Bank	12 200
	<u>12 200</u>		<u>12 200</u>

D

Akaun Jualan

2024	RM	2024	RM
Dis 31 Bank	12 200	Dis 31 Untung Rugi	12 200
	<u>12 200</u>		<u>12 200</u>

[Lihat halaman sebelah

19 Pasangan akaun dan baki manakah yang betul?

- A Gaji belum bayar – baki debit
- B Insurans prabayar – baki kredit
- C Faedah belum terima – baki debit
- D Sewa belum terperoleh – baki debit

20 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Bersatu Indah Sdn. Bhd.

	1 Julai 2023	30 Jun 2024
	RM	RM
Alat-alat kecil	420	350

Maklumat Tambahan:

Belian alat-alat kecil sepanjang tempoh perakaunan bernilai RM530.

Berapakah nilai alat-alat kecil yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM180
- B RM240
- C RM460
- D RM600

21 Kedai Amy telah membeli sebuahengkapan dengan harga RM18 000 pada 1 Januari 2022. Kadar susut nilai ialah 10% setahun atas nilai buku.

Pada 31 Disember 2023, lengkapan tersebut telah dijual dengan harga RM10 000. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Hitungkan untung atau rugi pelupusan mesin.

- A Rugi pelupusan RM3 420
- B Untung pelupusan RM3 420
- C Rugi pelupusan RM4 580
- D Untung pelupusan RM4 580

- 22 Kesilapan manakah yang tidak ketara dalam Imbangan Duga?
- A Bayaran gaji RM600 secara tunai hanya direkodkan dalam Buku Tunai.
 - B Diskaun diberi RM70 telah direkodkan dalam Akaun Diskaun Diterima.
 - C Belian alatan pejabat RM500 dengan cek telah direkodkan dalam Akaun Belian.
 - D Jualan secara kredit RM255 telah direkodkan dengan RM225 dalam Akaun Jualan.
- 23 Selepas Akaun Perdagangan dan Untung Rugi disediakan dan untung bersih ditaksirkan sebanyak RM9 700, kesilapan berikut telah dikesan:
- (i) Pulangan jualan terlebih rekod sebanyak RM150.
 - (ii) Inventori akhir terlebih catat RM240.
 - (iii) Diskaun diterima RM80 tersalah catat ke dalam Akaun Diskaun Diberi.
 - (iv) Bayaran tunai kepada Wandy Enterprise tidak dicatat RM200.

Berapakah untung bersih selepas pelarasan?

- A RM9 490
- B RM9 690
- C RM9 770
- D RM9 890

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 24 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Wow Best Sdn. Bhd.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM
Jualan	80 000
- Kos jualan	<u>20 000</u>
Untung kasar	60 000
+ Hasil	<u>5 000</u>
	65 000
- Belanja	<u>25 000</u>
Untung bersih	<u><u>40 000</u></u>

Sekiranya anda ingin membuat pelaburan dan menetapkan sasaran pulangan atas modal sebanyak 25%, berapakah modal yang anda perlukan?

- A RM320 000
- B RM240 000
- C RM160 000
- D RM80 000
- 25 Bagaimanakah untung bersih dikira jika peniaga tidak merekod catatan perakaunan dengan lengkap?
- A Modal akhir + Ambilan - Modal awal - Modal tambahan
- B Modal awal - Ambilan + Modal akhir + Modal tambahan
- C Modal awal + Modal tambahan - Modal akhir - Ambilan
- D Modal akhir - Modal awal + Modal tambahan - Ambilan

- 26 Maklumat berikut diperoleh pada 31 Julai 2024 daripada Kedai Aqil yang mengamalkan rekod tak lengkap.

	RM
Modal 1 Ogos 2023	12 750
Modal 31 Julai 2024	42 000
Aset semasa	11 700
Modal tambahan	10 850
Ambilan	600

Berapakah nilai untung bersih perniagaan tersebut?

- A RM19 000
 B RM29 250
 C RM30 700
 D RM53 300
- 27 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Arsyad yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

	1 Jun 2023	31 Mei 2024
	RM	RM
Akaun Belum Bayar	1 430	1 180

Maklumat tambahan :

(i) Pulangan keluar RM450

(ii)

Buku Tunai (ruangan bank)			
			RM
	Mei 31	Akaun Belum Bayar	9 800
		Belian	4 520

Hitungkan jumlah belian.

- A RM9 550
 B RM9 950
 C RM14 070
 D RM14 520

28 Sistem kawalan tunai diamalkan bertujuan untuk memastikan perniagaan

- A mendapat keuntungan sasaran.
- B memperoleh jualan yang optimum.
- C menyimpan tunai yang banyak di bank.
- D mempunyai aliran tunai yang mencukupi.

29 Berikut ialah petikan buku tunai (ruangan bank) Perniagaan Nadiah pada bulan Julai 2024.

Buku Tunai (ruangan bank)			
	RM		RM
Baki b/b	1 500	Fikri	2 800
Aniq	4 100		

Maklumat tambahan :

Urus niaga yang berkaitan dengan Aniq dan Fikri tidak direkodkan dalam Penyata Bank pada bulan yang sama.

Pilih padanan yang **betul** untuk merekod maklumat tersebut di dalam Penyata Penyesuaian Bank.

	Aniq	Fikri
A	Deposit belum dikreditkan	Cek belum dikemukakan
B	Cek tak laku	Deposit belum dikreditkan
C	Cek belum dikemukakan	Cek tak laku
D	Cek belum dikemukakan	Deposit belum dikreditkan

30 Rumus berikut digunakan untuk mengira lebihan atau kurangan dalam belanjawan tunai.

$$\boxed{X - Y}$$

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Jumlah pembayaran	Jumlah penerimaan
B	Jumlah penerimaan	Jumlah pembayaran
C	Jumlah pendapatan	Jumlah perbelanjaan
D	Jumlah perbelanjaan	Jumlah pendapatan

- 31 Situasi di bawah berlaku dalam perniagaan Perkongsian Amar dan Amir.

Amar dan Amir menubuhkan perniagaan perkongsian tanpa menandatangani sebarang Ikatan Perjanjian Perkongsian. Baru-baru ini berlaku perselisihan faham berkaitan dengan ambilan pekongsi.

Bagaimanakah masalah tersebut boleh diselesaikan?

- A Merujuk Akta Syarikat 2016
 - B Merujuk Akta Perkongsian 1961
 - C Merujuk Pendaftaran Perniagaan
 - D Merujuk kepada keputusan setiap ahli pekongsi
- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Afeza pada tarikh pembubaran 1 April 2024.

	RM
Jumlah aset (termasuk bank)	136 000
Jumlah liabiliti	20 000
Belanja realisasi	2 400
Bank	16 000

Maklumat tambahan :

- (i) Semua aset direalis pada nilai RM110 000.
- (ii) Liabiliti dijelaskan sepenuhnya dengan nilai RM17 000.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM9 400
- B RM13 400
- C RM25 400
- D RM28 400

- 33 Syarikat Suria Berhad telah menerbitkan 700 000 unit syer biasa pada harga RM1.50 sesyer pada 1 Januari 2023. Semua syer telah dipohon dan dibayar penuh semasa permohonan. Tempoh kewangan perniagaan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Pilih Penyata Kedudukan Kewangan (bahagian ekuiti pemilik) yang paling tepat pada 31 Disember 2023 untuk merekod kedudukan modal syarikat.

A Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
	Syer biasa	1 050 000

B Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
	1 050 000 unit Syer biasa	1 050 000

C Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
	700 000 unit Syer biasa	1 050 000

D Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
	700 000 unit Syer biasa	700 000

- 34 Apakah yang dimaksudkan dengan dividen interim?
- A Dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa
 - B Dividen yang dibayar kepada pemegang syer keutamaan
 - C Dividen yang dibayar kepada pemegang syer sebelum keuntungan sebenar syarikat diketahui
 - D Dividen yang dibayar kepada pemegang syer selepas keuntungan sebenar syarikat diketahui

- 35 Kelab Seni Silat Perkasa mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2023, baki-baki berikut diperoleh daripada buku kelab.

	RM
Yuran belum terima	1 020
Yuran belum terperoleh	500

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, kelab ini menerima yuran sebanyak RM10 500. Jumlah ini termasuk RM300 yang diterima bagi tahun 2024.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2023?

- A RM11 200
- B RM10 720
- C RM9 980
- D RM9 680

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku akaun Kelab Seni Tanjung.

	RM
Jualan restoran	18 460
Belian restoran	12 300
Inventori awal restoran	4 720
Inventori akhir restoran	3 740
Upah pekerja	4 000

Maklumat tambahan:

40% daripada upah pekerja adalah upah pekerja restoran.

Berapakah untung restoran kelab?

- A RM9 180
 B RM6 780
 C RM3 580
 D RM1 180
- 37 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada Kelab Sukan Teratai.


Kelab Sukan Teratai
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	RM
Dana Terkumpul	8 500
Tambah : X	1 500
	10 000
Tambah : Yuran masuk	2 600
Dana terkumpul akhir	12 600

Dari manakah nilai X diperoleh?

- A Akaun Bank
 B Akaun Yuran
 C Akaun Untung Rugi
 D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

- 38 Rajah di bawah berkaitan dengan komponen kos pengeluaran.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Kos Prima	Belanja Langsung
B	Belanja Langsung	Kerja Dalam Proses
C	Belanja Langsung	Kos Overhed
D	Kos Overhed	Kerja Dalam Proses

- 39 Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada sebuah firma pengeluaran kasut pada 31 Disember 2023.

	RM
Jualan barang siap	368 850
Kos bahan langsung digunakan	81 300
Kos overhead	51 315
Buruh langsung	15 390
Belanja langsung	7 500
Kerja dalam proses awal	19 125
Kerja dalam proses akhir	15 210

Hitung kos pengeluaran kasut.

- A RM 151 500
 B RM 159 420
 C RM 170 715
 D RM 224 430

- 40** Maklumat berikut diambil daripada Kedai Bunga Lance yang menjual bunga hiasan dinding dengan harga RM120 seunit.

	RM
Bahan langsung (seunit)	45
Buruh langsung (seunit)	25
Sewa premis	10 000

Syarikat mensasarkan keuntungan sebanyak RM20 000.

Berapakah unit bunga hiasan dinding yang perlu dikeluarkan?

- A** 200 unit
- B** 250 unit
- C** 400 unit
- D** 600 unit

KERTAS SOALAN TAMAT